



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA MPC

Bil. Mesyuarat: 24/2023

Tempat: Bilik CB / Kanban

Masa: 10.00 pagi

Tarikh: 31 Oktober 2023 (Selasa)

Kehadiran:

1. Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah	Timb. Ketua Pengarah	Pengerusi
2. En. Mahadi Hasbullah	Timbalan Pengarah	Ahli
3. Pn. Hilina Abdul Karim	Pengurus Kanan	Ahli
4. En. Mohd Khairul Nazir Nawi	Pengurus Kanan	Urus Setia
5. Pn. Hazwani Nadiah Ismail	Pengurus	Urus Setia

1.0 Perutusan Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kedatangan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang dapat hadir ke mesyuarat pada kali ini.

Makluman

2.0 Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 23/2023

- 2.1 Mesyuarat sebulat suara telah meluluskan minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 23/2023 tanpa sebarang pindaan.

Makluman

3.0 Maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga MPC Bil. 23/2023

3.1 Makluman Pertambahan Kos bagi Perkhidmatan Penginapan bagi Program APO Multicountry Development of Productivity Specialists

- 3.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 23/2023 pada 17 Oktober 2023 telah meluluskan pelantikan Mega Capital Development Sdn. Bhd. (Capri By Fraser, Bukit Bintang) untuk Perkhidmatan Penginapan, Pakej Mesyuarat dan *Welcome Dinner* Bagi Program *APO Multi Country Development of Productivity Specialists* dengan nilai perolehan berjumlah RM171,880.00.
- 3.1.2 Makluman tambahan seorang peserta antarabangsa hanya dimaklumkan oleh pihak APO pada 18 Oktober 2023 melalui emel oleh sekretrariat APO kepada PIC.
- 3.1.3 Perolehan baharu bernilai RM176,820.00 dengan pertambahan kos sebanyak RM4,940.00 (3%) daripada jumlah kelulusan asal.
- 3.1.4 Pertambahan kos ini masih dapat ditampung daripada jumlah bajet sebanyak RM180,740.00 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengurusan MPC bagi mengendalikan program ini.
- 3.1.5 Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga mengambil maklum berkenaan pertambahan nilai perolehan sebanyak RM4,940.00 bagi Perkhidmatan Penginapan, Pakej Mesyuarat dan *Welcome Dinner* Bagi Program *APO Multi Country Development of Productivity Specialists* pada 6-17 November 2023.

Tindakan: Abigail Subatra Anbalakan

4.0 Mempertimbangkan Kertas Tawaran Sebut Harga:

4.1 Penggantian Peralatan Audio Visual Di Dewan Produktiviti Dan Bilik-Bilik Kemudahan Di MPC Wilayah Selatan, Johor Bahru, Johor

4.1.1 Mesyuarat dimaklumkan sejumlah 6 pembekal telah dipelawa dan menghantar sebut harga. Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) telah meneliti dan menganalisa ke semua sebut harga yang disediakan oleh pihak pembekal.

4.1.2 Mesyuarat dimaklumkan penyebut harga 5/6 telah disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) sebagai pembekal untuk Penggantian Peralatan Audio Visual Di Dewan Produktiviti Dan Bilik-Bilik Kemudahan Di MPC Wilayah Selatan, Johor Bahru, Johor kerana memenuhi spesifikasi am dari segi keupayaan kakitangan yang mencukupi, menawarkan harga yang berpatutan serta menawarkan peralatan yang lebih baik dari segi spesifikasi jenama dan model peralatan. Selain itu peralatan audio yang ditawarkan juga adalah dari jenama dan model yang lebih baik dan berkualiti. Ahli JPT mengesyorkan kombinasi peralatan audio visual ini lebih diyakini jika dibekalkan dengan jenama yang sama.

4.1.3 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas penilaian sebut harga ini dengan nilai perolehan sebanyak RM114,700.00. Pihak SRO perlu mendapatkan kelulusan BOM tambahan bajet kerana kelulusan asal adalah RM113,000.00 sahaja.

Tindakan: Mohd Hykal Mohd Halim

4.2 Perkhidmatan Pembekal Bagi Pembelian Perabot Asrama MPC Wilayah Selatan

- 4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan sejumlah 7 pembekal telah dijemput daripada senarai kontrak berpusat MOF dan 4 pembekal telah menghantar semula sebut harga. Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) telah meneliti dan menganalisa ke semua sebut harga yang disediakan oleh pihak pembekal.
- 4.2.2 Mesyuarat dimaklumkan penyebut harga 1/4 telah disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) sebagai pembekal untuk Perkhidmatan Pembekal Bagi Pembelian Perabot Asrama MPC Wilayah Selatan kerana mempunyai jumlah markah wajaran yang tertinggi. Keputusan ini dibuat dengan mengambil kira nilai terbaik yang ditawarkan melalui kestabilan akaun bank semasa yang berskala tinggi, pengalaman kerja yang pelbagai dan baik serta lampiran yang diberi adalah lengkap.
- 4.2.3 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas penilaian sebut harga ini dengan nilai perolehan sebanyak RM87,000.00.

Tindakan: Nahdatul Faezin Norman

5.0 Hal-Hal Lain:

- 5.1 Tiada perkara yang dibincangkan dalam agenda ini.

6.0 Penangguhan Mesyuarat


Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi.

Disediakan oleh:



Hazwani Nadiah Ismail
Urus Setia JKSH
Unit Perolehan MPC

Disemak oleh:



Mohd Khairul Nazir Nawi
Urus Setia JKSH
Unit Perolehan MPC

Disahkan oleh:

Dr. Mazrina Mohamed
Ibramsah
Pengerusi JKSH